

**Sambutan Gawai Asli Tunggu Najib Di Rumah Panjang George Chungot 3 Jun Ini
Bernama
24 Mei, 2012**

SIBU, 24 Mei (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke Rumah Panjang George Chungot di Nanga Nansang, kira-kira 15 minit berkereta dari bandar Pakan di Sarikei, akan dirai dengan suasana sebenar sambutan Gawai.

Teruja menunggu kedatangan pemimpin nombor satu negara yang dijadual 3 Jun ini, penduduk di 45 unit rumah terbabit sibuk membuat persiapan bagi memastikan lawatan itu menjadi kenangan terindah kepada Perdana Menteri dan mereka sendiri.

Anak kelahiran rumah panjang moden itu, Tan Sri William Mawan yang juga Menteri Pembangunan Sosial Sarawak, berkata Najib dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta isteri masing-masing dijangka tiba pada pukul 12.15 tengah hari.

"Penduduk rumah panjang saya ini dan masyarakat di Pakan serta anggota SPDP (Parti Demokratik Progresif Sarawak), sedang melakukan yang terbaik untuk membangkitkan suasana sambutan Gawai sebenar, bagi merai pelawat yang paling kita hormati ini," kata Mawan yang juga Presiden SPDP, pada sidang media, di sini Khamis.

Katanya sepanjang rumah berkenaan akan dihias dengan ukiran kayu tradisional Iban "Bunga Jarau" dan "Pua Kumbu" (kain tenun tradisional Iban).

Najib dan rombongan dijadual berjalan sepanjang "ruai" (serambi) bagi bersalaman dengan semua penduduk rumah panjang yang membarisi laluan tersebut.

"Kita akan adakan tarian ngajat, selain persembahan gendang pampat dan permainan 'bebatak lampung' (seperti sukan tarik tali tetapi menggunakan kayu pendek di antara dua orang) sepanjang ruai," katanya.

Mengulas mengenai lawatan Najib bagi merai sambutan Gawai itu, Mawan berkata perkara tersebut membuktikan Najib mengamalkan konsep 1Malaysia.

"Barangkali beliau tidak pernah mengunjungi kaum Iban atau Dayak ketika Gawai, jadi beliau merebut peluang ini untuk melihat sendiri semangat dan kebudayaan komuniti ketika perayaan itu," katanya.

Mawan berkata rumah panjang itu boleh menampung antara 3,000 hingga 4,000 orang pada satu-satu masa.

"Kami akan mendirikan khemah di luar kerana dijangka lebih ramai tetamu akan hadir. Selain pemimpin parti komponen Barisan Nasional, saya jangka ramai anggota SPDP akan hadir majlis tersebut," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668516>